



AKHLAK AL-QURAN BENTENG
SEGALA MASALAH SOSIAL

ISSN 1311-6891 | SYAABAN 1446H | 23-27 FEBRUARI 2025

بوليتيك دارالنعيم

MINGGUAN

Buletin DARULNAIM

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PENIAGA BAZAR RAMADAN DISARAN
TAWAR HARGA BERPATUTAN

PENYATUAN KUNCI
KEKUATAN UMAT ISLAM

KOPERASI MASJID JADI PUSAT
PENGUMPULAN NANAS

KELANTAN KOMITED MEMASYARAKATKAN AJARAN AL-QURAN DALAM PENTADBIRAN - MENTERI BESAR

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 24 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmen untuk memasyarakatkan ajaran al-Quran dalam pentadbiran dengan menjadikan Dasar Membangun Bersama Islam sebagai teras utama dalam mengemudi negeri.

Menteri Besar Kelantan Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata asas yang kukuh tersebut telah diterjemah melalui pelbagai inisiatif, termasuk menerapkan pendidikan al-Quran dalam pembangunan rakyat.

“Kerajaan Negeri Kelantan membangunkan rakyat dengan memperkuuh pendidikan al-Quran melalui penubuhan sekolah-sekolah tafhib, pengukuhan institusi pendidikan serta penerapan konsep Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI) sebagai budaya kerja dalam pentadbiran.

“Selain itu, penggubalan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) turut memperkuuhkan usaha melahirkan generasi yang berakhhlak mulia serta memahami



tuntutan al-Quran dalam kehidupan sehari-hari.

“Penghayatan terhadap al-Quran juga diterjemahkan dalam sistem pentadbiran negeri melalui penggubalan dan pelaksanaan undang-undang serta garis panduan yang bertujuan menjaga kesejahteraan rakyat agar tidak terjerumus ke lembah kemurkaan Allah SWT,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 1446H/2025M di Dewan Utama Tengku Kaya

Pahlawan, Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, semalam.

Mengulas mengenai penganjuran majlis tilawah dan hafazan al-Quran yang bertemakan Al-Quran Membentuk Akhlak Mulia, beliau menjelaskan bahawa program itu untuk memperindah bacaan al-Quran bahkan lebih penting untuk mengangkat tuntutan al-Quran dengan penghayatan dan tadabbur mendalam terhadap kandungannya.

“Melalui penganjuran majlis tilawah dan hafazan al-Quran yang telah diadakan sekian lama, kita

“

Penghayatan terhadap al-Quran juga diterjemahkan dalam sistem pentadbiran negeri melalui penggubalan dan pelaksanaan undang-undang serta garis panduan yang bertujuan menjaga kesejahteraan rakyat agar tidak terjerumus ke lembah kemurkaan Allah SWT.”

dapat menyaksikan impak positif terhadap masyarakat.

“Secara tidak langsung, ia menggalakkan lebih ramai untuk mendalami ilmu al-Quran, bermula dengan hafazan yang baik sehingga mampu memperlok bacaan serta memahami ayat-ayat yang dibaca,” jelasnya.

Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Negeri Kelantan tahun ini berlangsung dari 23 hingga 26 Februari 2025, dengan penyertaan lapan qari, tujuh qariah serta 25 hafiz dan hafizah yang telah melepas sa ringan awal.



AKHLAK AL-QURAN BENTENG SEGALA MASALAH SOSIAL

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 24 Februari – Pembentukan akhlak al-Quran di dalam diri manusia, keluarga, masyarakat, negeri dan negara menjadi benteng ampuh untuk membendung segala masalah sosial yang berlaku.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mad Daud berkata mengamalkan akhlak al-Quran dalam kehidupan samada dalam keluarga, masyarakat, negeri dan negara menjadi benteng utama dalam usaha menangani masalah sosial yang berlaku hari ini.

Menurutnya, akhlak al-Quran ialah beramal dengan Al-Quran, berakhlik dengan akhlak yang ditetapkan oleh al-Quran, mengambil pengajaran daripada pemisalan dan kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Quran serta memperindahkan bacaan ayat-ayat al-Quran.

“Itulah akhlak al-Quran. Sekiranya sesebuah masyarakat melaksanakannya dalam kehidupan



mereka, maka Allah SWT akan memberkati, memberi taufik dan inayahNya kepada masyarakat tersebut.

“Inilah kemuliaan al-Quran yang mesti dijunjung oleh seluruh umat Islam pada hari ini dan menjadikannya sebagai keutamaan dan berusaha untuk membentuk akhlak al-Quran dalam diri, keluarga, masyarakat, negeri dan Negara.”

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan alu-aluan pada Majlis Perasmian Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat z Negeri Kelantan 2446H bersamaan 2025M di Dewan Utama Tengku Kaya Pahlawan, Kompleks Islam

Jubli Perak, Sultan Ismail Petra, Panji Kota Bharu pada Ahad.

Menyentuh tentang penubuhan Pusat Tarannum yang bermula pada 26 Jun 2024, YB Mohd Asri berkata penubuhan Pusat Tarannum tersebut bertujuan untuk melahirkan pelapis qari dan qariah dan mereka yang benar-benar bersungguh-sungguh untuk mempelajari ilmu al-Quran.

“Kerajaan negeri membuka peluang ini kepada seluruh anak-anak Negeri Kelantan untuk sama-sama memperhebatkan Pusat Tarannum al-Quran ini. Diharapkan Pusat Tarannum ini tidak hanya di Balai Islam sahaja tetapi diperluaskan

di jajahan masing-masing,” katanya.

Tambah beliau lagi, sejak ditubuhkan pada tahun lalu, Pusat Tarannum ini mempunyai lima orang tenaga pengajar yang terdiri daripada bekas johan qari dan qariah peringkat antarabangsa. Mereka ialah Ustaz Che Yahya Daud, Ustaz Mohd Husin Yunus, Dato’ Faridah Mat Saman dan Syeikh Hisyam.

“Pengambilan pertama pelajar Pusat Tarannum ini melibatkan 50 pelajar. 18 orang daripadanya merupakan pelajar yang telah melalui proses saringan dan benar-benar mempunyai kelayakan sebagai qari dan qariah,” jelasnya.

PENIAGA BAZAR RAMADAN DISARAN TAWAR HARGA BERPATUTAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 Februari – Peniaga bazar Ramadan di Kelantan disaran menawarkan harga juadah yang berpatutan bagi memastikan keselesaan pengguna sepanjang bulan mulia ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah berkata, peniaga perlu menjalankan perniagaan secara beretika dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak munasabah.

“Kami menggesa semua penia-

ga untuk menetapkan harga jualan yang berpatutan. Berusahalah mencari rezeki sambil beramal,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Mesyuarat Exco di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, pemantauan berterusan akan dilakukan oleh pihak berkuasa termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memastikan harga juadah di bazar Ramadan kekal munasabah.

“Sekiranya terdapat aduan berhubung kenaikan harga yang tidak munasabah, tindakan sewajarnya

akan diambil terhadap peniaga terlibat,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan juga akan menjalankan penguatkuasaan berkala bagi memastikan peniaga serta penyedia makanan bebas daripada sebarang penyakit.

“Semua peniaga, terutamanya tukang masak dan penyedia makanan, digalakkan mendapatkan suntikan kesihatan bagi mencegah penyakit seperti typhoid,” jelasnya.

Sementara itu, mengulas mengenai program Madinah Ramadan,

kerajaan negeri menganjurkan majlis hi-tea di Dewan Teratai, Kota Darulnaim hari ini bagi meraikan penaja korporat Madinah Ramadan bersama Speaker Dewan Negeri Kelantan, Dato’ Sri Amar D’Raja Dato’ (Dr) Mohd Amar Abdul-lah.

“Pada Jumaat, 28 Februari jam 8.30 pagi, kuliah pagi Jumaat akan disampaikan oleh Ustaz Azhar Idrus, diikuti pelancaran Tabung Ihya’ Ramadan oleh YAB Menteri Besar, Dato’ Panglima Perang, Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud. Orang ramai dialu-alukan untuk menyumbang,” katanya.



KOTA BHARU BANDARAYA ISLAM, TEMA MADINAH RAMADAN 1446H

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 23 Februari – Madinah Ramadan 1446H mengangkat tema Kota Bharu Bandaraya Islam bersempena ulang tahun ke-20 pengisytiharan bandar itu sebagai Bandaraya Islam.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata pemilihan tema tersebut bertujuan mengukuhkan identiti Kota Bharu sebagai pusat perkembangan Islam serta memberi kesedaran sejarah kepada generasi muda.

“Pada tahun lalu, kita memilih tema Cintakan Palestin sebagai solidariti terhadap saudara seagama di Palestin dengan menghiasi khemah-khemah Madinah Ramadan dengan bendera Palestin.

“Tahun ini, kita tonjolkan kelainan dengan memperkenalkan elemen sejarah yang menampilkan dokumen dan arkib perkembangan Kota Bharu sejak sebelum era Membangun Bersama Islam sehingga kini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penutupan Taklimat dan Simulasi Bidang Tugas Amilin dan Amilat Madinah Ramadan 1446H/2025M di Dewan Gelanggang Seni, Kota Bharu, pada Sabtu.

Menurutnya, langkah tersebut



bukan sahaja menambah daya tarikan baharu di Madinah Ramadan bahkan memberikan pendedahan kepada warga Kota Bharu, khususnya golongan muda, mengenai sejarah serta perubahan besar yang berlaku sejak kepimpinan Allahyarham Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat hingga ke hari ini.

Katanya, Madinah Ramadan, yang dicetuskan lebih tiga dekad lalu oleh Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz, bermula sebagai khemah Ramadan berhampiran stesen bas Kota Bharu.

“Ia kemudiannya berpindah ke Dataran Stadium Sultan Muhammad IV dengan nama Qaryah Ramadan sebelum dikenali sebagai Madinah Ramadan seperti hari ini,” jelasnya.

Mengulas mengenai peranan amilin dan amilat, YB Hilmi menggaskan bahawa mereka merupakan duta kepada Madinah Ramadan yang bertanggungjawab menyambut serta membantu pengunjung yang hadir.

“Mereka adalah wajah pertama yang ditemui pengunjung. Oleh itu, layanan yang baik, senyuman dan kesabaran sangat penting agar mereka merasa selesa dan kembali lagi.

“Ikhlaskan niat dalam berkhidmat kerana ganjaran di sisi Allah amat besar,” ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Seranta Amilin dan Amilat Madinah Ramadan, Che Kamaruzaman Che Ibrahim, memaklumkan bahawa pihak pengurusan turut menyediakan pusat

jagaan kanak-kanak bagi membolehkan ibu bapa beribadah dengan tenang.

“Para Amilat akan menjaga dan mendidik anak-anak pengunjung menggunakan silibus yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Seranta Madinah Ramadan,” katanya.

Seramai 121 Amilin dan Amilat telah dipilih daripada lebih 200 permohonan dalam talian untuk menjadi sukarelawan sepanjang Ramadan ini.

Pelbagai program menarik turut disusun sepanjang Ramadan, termasuk Hari Kemenangan Palestin pada 4 Mac yang akan dihadiri oleh aktivis kemanusiaan Nadir an-Nuri, serta majlis perasmian rasmi pada 6 Mac.

Selain itu, kuliah khas selebriti oleh Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Abdullah Khairi dan Ustaz Mokhtar Yaakob akan diadakan setiap minggu.

Hadir sama dalam majlis perasmian tersebut ialah Timbalan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Dato' Abdul Rahman Yunus, Timbalan Ketua Whip Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) Mohd Nuri Yakob serta ahli-ahli majlis MPKB-BRI.



PENYATUAN KUNCI KEKUATAN UMAT ISLAM

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 28 Februari – Penyatuan umat Islam merupakan kunci utama kepada kekuatan dan kemuliaan dalam masyarakat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan hal tersebut ketika merasmikan Majlis Sambutan Ambang Ramadan dan Pelancaran Teks Tadarus al-Quran di Masjid At-Taqwa, Mukim Pulau, Kubang Kerian, pada Khamis.

Beliau menekankan bahawa perpecahan hanya melemahkan umat, menjadikan mereka rentan terhadap penindasan, sebagaimana yang berlaku kepada umat Islam di Palestin dan negara lain.

“Sebatang lidi mudah dipatahkan, tetapi apabila dicantumkan, ia menjadi kuat.

“Begitu juga dengan umat Islam – kita hanya akan menjadi kuat jika bersatu. Sebaliknya, perpecahan membawa kelemahan, sebab itu Allah SWT mengharamkannya,” jelasnya.

Katanya lagi, di tempat umat Islam lemah, mereka ditindas. Namun, di tempat umat Islam kuat, orang bukan Islam hidup dalam keadaan aman kerana Islam melarang kezaliman terhadap sesiapa pun.

Bagi menyemarakkan seman-



gat Ramadan tahun ini, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Dakwah Halaqat, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) telah memilih ayat 116 hingga 120 daripada Surah Hud sebagai teks tadarus rasmi.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mad Daud pula menyatakan bahasa meskipun jumlah ayat yang dipilih tidak banyak, nilai dan penghayatannya amat besar, khususnya dalam menyeru kepada penyatuan dalam masyarakat.

“Memahami, menghayati, dan melaksanakan suruhan dalam ayat-ayat ini adalah asas utama tujuan tadarus.

“Kita muahu umat Islam benar-benar mengambil iktibar daripada kandungannya,” katanya dalam ucapan alu-aluan.

Beliau turut berharap teks tadarus berkenaan dapat dikupas dan disebarluaskan di seluruh jajahan Kelantan, termasuk di masjid, surau, dan komuniti setempat, agar mesej penyatuan dapat dihayati sepenuhnya.

Majlis turut menyaksikan ku-

pasan ayat 116 hingga 120 oleh Pegawai Agama Jajahan Kuala Krai, Ustaz Saibon Ismail, selain pelancaran himpunan teks tadarus bagi dekad pertama serta penyerahan teks kepada ketua-ketua jajahan dan pengelola Halaqat kawasan.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN), Timbalan Mufti Negeri Kelantan Sahibus Samahah Dato' Abdul Kadir Mohamad, Pengarah JAHEAIK, Dr Hasnan Ramli, serta pemimpin-pemimpin di jajahan dan jabatan negeri serta persekutuan.

KOPERASI MASJID JADI PUSAT PENGUMPULAN NANAS



Oleh: Norzana Razaly

PASIR PUTEH, 23 Februari – Koperasi Masjid Mukim Permatang Sungkai Bhd muncul sebagai pusat pengumpulan nanas utama di daerah ini, memainkan peranan penting dalam memperkasa sektor

pertanian tempatan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail memuji usaha pihak pengurusan koperasi masjid tersebut.

Katanya, inisiatif itu dilihat mampu meningkatkan daya saing

usahawan pertanian serta mewujudkan rantaian bekalan yang lebih efisien bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Beliau berkata demikian ketika meninjau pusat pengumpulan tersebut bagi meninjau perkembangan projek nanas MD2 yang

diusahakan oleh 15 peserta dengan keluasan keseluruhan 15 ekar pada Rabu lalu.

Tambahnya, pusat pengumpulan berkenaan memastikan hasil nanas dapat dikumpul dan dipasarkan dengan lebih sistematik, sekali gus meningkatkan nilai tambah kepada industri nanas tempatan.

“Pertanian secara kelompok seperti ini membuktikan bahawa sektor pertanian, khususnya tanaman nanas mampu menjadi sumber ekonomi yang mampan bagi komuniti setempat,” jelasnya.

Turut hadir, Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Kelantan Mohd Fauzan Mohamad.

TERIMA KASIH PARA PENAJA MADINAH RAMADAN -KERAJAAN NEGERI KELANTAN



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 26 Februari – Program Madinah Ramadan 1446H, acara tahunan ikonik anjuran Kerajaan Negeri Kelantan, terus mendapat sokongan padu daripada sektor korporat dan komuniti perniagaan.

Tahun ini, sebanyak 32 syarikat korporat, institusi kewangan, hotel, dan perusahaan tampil sebagai penaja utama, memastikan kelangsungan program yang menjadi medan ibadah serta kebajikan masyarakat sepanjang bulan Ramadan.

Bagi menghargai sumbangan

mereka, Speaker Dewan Negeri Kelantan, YB Dato' Sri Amar D'Raja, Dato' (Dr.) Mohd Amar Abdullah mewakili Kerajaan Negeri Kelantan menerima sumbangan berkenaan dan menyampaikan penghargaan kepada para penaja.

Dalam ucapannya, beliau menzahirkan penghargaan dan berterima kasih kepada para penaja dengan menekankan bahawa amalan bersedekah dapat menyuburkan ekonomi komuniti, bahkan menjadi pelaburan akhirat yang berharga.

“Hadis menyebut bahawa bersedekah dapat menghapuskan dosa seperti air memadamkan api. Mereka yang telah meninggal dunia in-

gin dihidupkan semula hanya untuk bersedekah apabila melihat ganjaran yang Allah sediakan buat para dermawan,” katanya ketika merasmikan Majlis Hi-Tea Bersama Penaja Korporat Madinah Ramadhan 1446H/2025M di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darul Naim pada Rabu.

Antara penaja utama yang terlibat ialah Ceria Impian Resources yang menaja khemah utama Madinah Ramadan. Manakala Hotel Perdana pula menyediakan penginapan imam tarawih dari Palestin Sheikh Naeem Mushtaha, pada sepanjang Ramadan.

Tidak ketinggalan, Kumpulan

Amona Sdn Bhd, Senijaya Sdn Bhd., Bank Muamalat dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia turut menjayakan usaha menyemarakkan roh Ramadan di Kelantan.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah turut menzahirkan penghargaan kepada para penaja budiman.

Katanya, kerajaan negeri menghargai sokongan berterusan daripada sektor korporat dan komuniti perniagaan dalam menjayakan program Madinah Ramadan yang sudah lebih 30 tahun usia program anjuran Kerajaan Negeri Kelantan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar raya Islam (MPKB-BRI).

“Tahun 2025 juga bermakna sudah 20 tahun perisytiharan Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam oleh almarhum Tok Guru Nik Aziz.

“Penajaan korporat dan sumbangan orang ramai adalah simbol kebersamaan rakyat Kelantan dan kepedulian sosial serta tanggungjawab bersama dalam mengimarahkan bulan penuh keberkatan ini,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK BENTUK GENERASI SOLEH – YB ROHANI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 24 Februari – Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk generasi yang soleh, berakhlik mulia, serta menjadi aset berharga bagi ibu bapa di dunia dan akhirat.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim berkata pengasuh dan pendidik di taska dan tadika memikul amanah besar dalam mencorakkan masa depan anak-anak melalui bimbingan yang penuh kasih sayang serta berteraskan nilai-nilai murni.

“Sebagai pengasuh dan pembimbing, kita memikul amanah besar dalam membentuk peribadi kanak-kanak. Menjadi contoh teladan (qudwah hasanah) adalah kunci utama dalam mendidik mere-



ka dengan kasih sayang dan nilai-nilai murni,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Program Team Building anjuran Persatuan Taska dan Tadika Kelantan (PTSK) serta Unit Kebajikan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) pada Ahad.

YB Rohani mengiktiraf program tersebut sebagai platform penting dalam memperkuuh hubungan serta meningkatkan ke-

mahiran pendidik dalam mendidik anak-anak dengan lebih efektif.

“Program Team Building ini dilihat sebagai langkah proaktif dalam memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak di negeri ini, sekali gus memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang terbaik dalam suasana yang kondusif dan harmoni,” jelasnya.

Beliau turut menyeru pihak pengurusan taska dan tadika agar

terus menyemai idea-idea kreatif dan inovatif bagi menarik minat kanak-kanak dalam pembelajaran, menjadikannya lebih interaktif dan berkesan.

“Terima kasih kepada semua pembimbing dan pengasuh taska dan tadika di Kelantan atas dedikasi kalian dalam mendidik anak-anak. Semoga usaha murni ini mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT,” tambahnya.

ASHRAF, MUNIRAH WAKILI KELANTAN KE PERINGKAT KEBANGSAAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 27 Februari - Mohammad Ashraf Azman Johan Majlis Tilawah dan Munirah Kasim Johan Hafazan peringkat Negeri Kelantan akan mewakili Kelantan ke Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) 1446H/2025M yang akan diadakan di Dewan Wawasan 2020, Kangar Perlis Indera, Kangan pada 27 April hingga 2 Mei nanti.

Selaku johan, Mohammad Ashraf yang memperoleh markah sebanyak 82 peratus dan Munirah 78.50 peratus membawa pulang wang tunai sebanyak RM10,000, piala, sijil dan sepersalinan pakaian.

Majlis pengurniaan hadiah tersebut telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Almarhum Sultan Ismail Petra pada Rabu di Dewan Tengku Pahlawan, Kompleks Islam Jubli Perak, Sultan Ismail Petra, Panji.



Sementara itu untuk bahagian hafazan, kategori tahap satu iaitu satu hingga 10 juzuk berserta taranum, johan hafiz disandang oleh Abdul Karim Mohd Azra'hi dengan markah 98.69 peratus dan hafizah disandang Siti Maryam Mohd Rahim dengan markah 95.63 peratus.

Manakala bagi tahap dua iaitu satu hingga 20 juzuk, johan hafiz diraih Nik Azri Hanif Nik Ahmad Huzaimi dengan markah 95.88 peratus dan hafizah pula dinobatkan kepada Wieddad Izzadin dengan markah 95.90 peratus.

Sementara Ahmad Abid Mohd Radzi dengan capaian markah 97.30 peratus merangkul johan bagi tahap tiga iaitu satu hingga 30 juzuk



berserta tafsir. Johan hafizah pula dimiliki Putri Auni Khadijah Mohd Hanif dengan markah 87.45 peratus.

Johan hafiz dan hafizah tahap satu menerima wang tunai RM2,500, piala, sijil dan sepersalinan pakaian, tahap dua menerima wang tunai RM3000, piala sijil dan sepersalinan pakaian manakala tahap tiga menerima wang tunai RM10,000, piala, sijil dan sepersalinan pakaian.

Johan hafazan bagi semua kategori juga akan mewakili Negeri Kelantan ke MTHQK 1446H bersamaan 2025M di Perlis.

Dalam ucapan perasmian penutup pada majlis tersebut, Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang

Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, terdapat banyak kelebihan dan keistimewaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia yang bertakwa dengan pinduan al-Quran.

"Antaranya akan menjadi insan yang mulia di sisi Allah, mendapat kemudahan dalam sesuatu urusan, mendapat pertolongan daripada Allah SWT, mampu membezakan antara kebaikan dan keburukan serta dapat mewarisi syurga Allah SWT."

"Menyedari kelebihan dan keistimewaan tersebut, maka Kerajaan Negeri Kelantan dan seluruh agensi sinya akan bergerak seiring untuk membangun dan membimbing masyarakat berpanduan al-Quran dengan penuh keyakinan dan kebergantungan kepada Manhaj Rabbani ini."

"Dengan Manhaj Rabbani ini insya-Allah kita mampu menghadapi segala ujian yang mendatang termasuk berdepan dengan keruntuhan akhlak dan moral yang berlaku dalam masyarakat hari ini," katanya.

SYARIKAT TEMPATAN, HONG KONG BINA KILANG PEMPROSES IKAN RM12 JUTA DI TOK BALI



Oleh: Norzana Razaly

PASIR PUTEH, 27 Februari - Tok Bali terus mengukuhkan kedudukannya sebagai hab industri perikanan utama di Pantai Timur dengan pelaburan baharu bernilai RM12 juta bagi pembinaan kilang industri hiliran berasaskan ikan.

Projek pembinaan kilang pemprosesan tepung ikan, minyak ikan dan makanan haiwan pertama seumpamanya di Kelantan itu merupakan usaha sama di antara pelabur syarikat tempatan Gelombang Agro Sdn. Bhd. dan syarikat Hong Kong Topway Global Enterprise Ltd.

Exco Pelaburan, Perindustrian,

Sumber Manusia dan Keusahawanan YB Mejar (B) Md Anizam Abdul Rahman berkata pelaburan tersebut akan membawa perubahan besar dalam ekosistem industri perikanan negeri, daripada hanya bergantung kepada eksport hasil laut mentah kepada pembangunan industri hiliran yang bernilai tinggi.

"Kita berterima kasih kepada para pelabur yang memanfaatkan infra struktur peindustrian di Tok Bali sebagai zon industri perikanan yang kompetitif.

"Sasaran pemain industri ialah untuk meningkatkan nilai tambah kepada hasil laut dan mengurangkan pembaziran sumber marin."

Sekali gus, bakal membuka 100 peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan memberi impak besar terhadap rantaian industri perikanan serta penternakan haiwan di negeri ini," katanya.

Menurutnya lagi, Kelantan sememangnya kaya dengan hasil laut

dan berpotensi besar dalam industri pemprosesan makanan haiwan berdasarkan sumber marin.

"Projek ini akan menjadikan Tok Bali sebagai pusat pemprosesan bertaraf dunia, seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan," katanya ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Kilang Pemprosesan Tepung Ikan, Minyak Ikan dan Makanan Haiwan di Tok Bali, hari ini.

Sementara itu, Pengarah Urusan Poseidon Feeds & Nutrients Sdn. Bhd. Zarir Yaakob pula memaklumkan bahawa sebagai syarikat pelaksana, pihaknya akan membangun kilang tersebut di atas tanah seluas 1.2 ekar yang berstatus industri dalam tempoh sembilan bulan.

"Kita mensasarkan kilang ini beroperasi sepenuhnya pada tahun 2026. Fasa 1 merangkumi kilang tepung ikan dan minyak ikan bernilai RM5 juta."

"Kapasiti pengeluaran harian ialah 80 tan ikan dan sisa ikan.

Manakala pengeluaran tahunan berjumlah 8,000 tan tepung ikan dan 200 tan minyak ikan. Kita menganggarkan perolehan tahunan ialah RM10 juta.

Fasa 2 pula melibatkan pembinaan kilang makanan haiwan bernilai RM7 juta berserta pembangunan penyelidikan & pembangunan (R&D) dengan kepakaran tempatan," jelasnya.

Beliau juga menyakini kewibawaan dan potensi pelabur Gelombang Agro Sdn. Bhd. ditubuhkan pada tahun 2020 itu yang sudah lima tahun terlibat dalam pembuatan serta perdagangan baja berdasarkan sisa ikan dan tepung ikan.

"Topway Global Enterprise Ltd. ialah anak syarikat Topway (Far East) Limited yang berpangkalan di Hong Kong sejak 1981. Syarikat ini aktif dalam pembiayaan dan pelaburan di Asia, khususnya dalam industri perlombongan," ujarnya.

PURNAMA SANTUNI 675 ASNFA DI AMBANG RAMADAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 28 Februari – Program Ambang Ramadan Purnama 1446H berjaya menyantuni 675 asnaf di seluruh Kelantan.

Program bagi Zon 1 berlangsung di Astaka JKR 10 hari ini menjadi platform Purnama menyantuni golongan asnaf menjelang ketibaan bulan mulia.

Seramai 195 keluarga asnaf dari 13 Dewan Negeri (DUN) dalam Parlimen Kota Bharu, Kubang Kerian, Pengkalan Chepa dan Tumpat menerima sumbangan wang tunai dan baki makanan dalam usaha meringankan beban mereka.

Ahli Parlimen Tumpat, YB Dato' Mumtaz Md Nawi ketika menyampaikan ucapan alu-aluan menekankan kepentingan menanam niat berpuasa sebulan penuh kepada semua ahli keluarga agar tidak terlepas hari-hari tertentu tanpa niat.

Beliau turut berpesan kepada ibu bapa supaya menghubungi anak-anak untuk mengingatkan mereka mengenai niat berpuasa dan mendoakan keluarga masing-masing, yang bukan sahaja membawa manfaat kepada si penerima, tetapi juga ganjaran pahala kepada yang menyampaikan peringatan tersebut.

“Di Turki, ada fenomena ‘pahala hopping’, umat Islam menuaikan ibadah setiap malam bersama keluarga di masjid yang berlainan untuk dapatkan “vibes” berbeza.

“Ini satu budaya yang baik untuk diterapkan kerana ia menggalakkan semangat ibadah yang berterusan.

“Selain itu, waktu makan dan



berjalan bersama ahli keluarga adalah saat terbaik untuk menyampaikan nasihat dengan lebih berkesan,” katanya.

Beliau turut berkongsi ibrah daripada kisah adik-beradik Nabi Yusuf a.s.

Menurutnya, Nabi Yaakob a.s. tetap bersabar meskipun mengetahui sikap cemburu anak-anaknya terhadap Yusuf a.s.

“Kesabaran dalam mendidik dan doa khusus untuk anak-anak tak putus sepanjang hayat Nabi Yaakob a.s akhirnya membawa kepada penyatuan semula anak-anak Nabi Yaakob a.s.” ujarnya.

Bagi memastikan Ramadan lebih bermakna, Dato' Mumtaz juga menyaran agar setiap rumah menyediakan kurma untuk memudahkan sahur, membaca Al-Quran setiap hari, serta memperuntukkan wang untuk berinfak mengikut keperluan sepanjang 30 hari Ramadan bagi memastikan istiqamah dalam bersedekah.

Majlis perasmian program dis-

empurnakan oleh Penasihat Purnama, Datin Sri Amar D'Raja Hasmani Hussin, yang mengajak hadirin merenung hikmah Ramadan sebagai peluang memperbaharui iman, menyucikan hati, dan meningkatkan rasa syukur.

“Ramadan bukan sekadar bulan ibadah, tetapi juga peluang untuk mentarbiyah diri dan berempati dengan mereka yang kurang bernasib baik.

“Marilah kita berkongsi rezeki dan berusaha menjadi golongan al-abrar yang beriman serta sentiasa membantu menyelesaikan masalah orang lain,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Program, Datin Rohani Che Hassan memaklumkan bahawa program tersebut merupakan acara kemuncak kepada siri Sambutan Ambang Ramadan Purnama 1446H yang telah berlangsung di Zon 2, 3 dan 4 bermula pada pertengahan Syaaban.

“Program Ihya’ atau Semarak Ramadan Zon 1 di Astaka JKR 10

menandakan penutup kepada siri ini bagi tahun 1446H.

“Melalui program ini, Purnama berkongsi rezeki dengan 195 keluarga asnaf, iaitu 15 penerima daripada setiap DUN yang terlibat,” ujarnya ketika ditemui.

Terdahulu, berlangsung program yang sama bagi Zon 3 Parlimen Machang, Kuala Krai dan Gua Musang melibatkan 150 penerima dari DUN Temagan, Pulai Chondong dan Kemuning (Parlimen Machang).

Seterusnya penerima dari DUN Mengkebang, Guchil, Manek Urai dan Dabong bagi (Parlimen Kuala Krai).

Turut diraikan juga para penerima dari DUN Paloh, Nenggiri dan Galas (Parlimen Gua Musang).

Manakala pada 22 Februari program yang sama berlangsung di Dewan Purnama Desa Rabbana, Jeli dan dirasmikan oleh Yang Di Pertua Purnama Datin Panglima Perang Datin Wan Nor Hanita Wan Yaacob.

Seramai 180 penerima terpilih daripada Zon 2 Parlimen Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas dan Rantau Panjang.

Serentak itu juga berlangsung program bagi Zon 4 melibatkan

150 penerima dari DUN Jelawat, Tawang dan Pantai Irama (Parlimen Bachok).

Diikuti, penerima dari DUN Selising, Semerak, Gaal dan Limbongan bagi Parlimen Pasir Puteh.

Manakala Parlimen Ketereh pula terdiri daripada penerima di DUN Kadok, Melor dan Kok Lanas.





PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK
BENTUK GENERASI SOLEH – YB ROHANI

Buletin دارالنعيم MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAABAN 1446H | 23-27 FEBRUARI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

DELEGASI RIAU TEROKA KEINDAHAN KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

TANAH MERAH, 24 Februari – Seramai 26 anggota delegasi dari Riau, Indonesia hadir ke negeri ini dalam rangka lawatan program Fam Trip Xplorasi Indahnya Kelantan 2025 bermula Sabtu lalu.

Kunjungan yang diketuai Ketua Astindo Riau, Manohara Harpina Diansari itu disambut mesra Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Ipoh YB Bahari Mohamad Nor di Dataran Guillemard View pada Ahad.

Menurut YB Bahari, pihaknya berbesar hati menerima kehadiran mereka dan menyifatkan lawatan tersebut sebagai langkah positif dalam memperkuuh hubungan pelancongan Malaysia-Indonesia.

“Kita amat mengalukan kehadiran delegasi dari Riau yang berpeluang menyaksikan sendiri keunikan dan keindahan negeri ini.

“Sambutan pelancong ke Dataran Guillemard View juga semakin menggalakkan, sekali gus merangsang kegiatan ekonomi penduduk tempatan. Senario ini membuktikan kawasan ini berpotensi besar dalam sektor pelancongan,” katanya.

Bagi merancakkan lagi sektor pelancongan di lokasi ikonik itu, YB Bahari turut mencadangkan



pembukaan laluan baharu di bawah Jambatan Guillemard yang menghubungkan kawasan tersebut dengan Kota Harmoni bagi menangani kesesakan dan memperluaskan akses ke kawasan perniagaan.

“Dengan pembukaan laluan baharu ini, ruang di sekitar Guillemard akan lebih terbuka, sekali gus membantu mengurangkan kesesakan di lampu isyarat Batu Hitam, terutamanya pada musim perayaan.

“Selain itu, pembangunan Kota Harmoni dan pekan Kusial akan membuka lebih banyak peluang perniagaan sepanjang laluan ini,” jelasnya, ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, kedudukan strategik Guillemard yang terletak di tengah-tengah laluan itu akan menjadikannya lebih mudah diakses oleh orang ramai.

“Jarak di antara Guillemard dan Kota Harmoni hanya 1.58km, menjadikannya lokasi yang amat sesuai untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan,” ujarnya.

Selain berperanan sebagai hab pelancongan, kawasan berkenaan juga berpotensi dibangunkan sebagai lokasi riadah yang menawarkan aktiviti seperti berjoging, berbasikal dan bersantai.

Dalam perkembangan berkaitan, YB Bahari memaklumkan

bahawa Lot 17162 di kawasan tersebut telah diwartakan sebagai rezab riadah dan rekreasi, sekali gus memudahkan usaha membangunkan kawasan pelancongan yang berkonsepkan bandar pesisir air.

“Langkah ini dijangka akan menambah daya tarikan pelancongan di kawasan tersebut dengan lebih banyak kemudahan rekreasi yang boleh dimanfaatkan oleh pelancong dan penduduk tempatan.

“Cadangan ini akan dibawa kepada pihak berwajib untuk penelitian lanjut dalam usaha meningkatkan daya tarikan pelancongan serta kemudahan infrastruktur di kawasan terbabit,” katanya.

